

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-**

- a. kesemua tanah-tanah di kawasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah yang masih dimiliki oleh Penerbangan Malaysia (MAS) ; dan
- b. adakah Kerajaan akan menjualkan tanah-tanah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tapak operasi Ibu Pejabat Malaysia Airline System Bhd (MAS) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang merangkumi 9 plot tanah. Walau bagaimanapun, hanya satu plot iaitu plot PT 44562 sahaja yang dimiliki oleh MAS manakala selebihnya adalah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Malaysia Airports Holdings Berhad, Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Kerajaan Negeri Selangor.

Berdasarkan perancangan semasa di bawah pelan pemulihan MAS, tanah berkenaan tidak akan dijual sebaliknya akan dijadikan sebagai Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) khusus untuk melatih semula kakitangan MAS yang memilih untuk tidak berhijrah ke Syarikat Baru.